BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 11/14/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 14 November 2014

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2014

Ekonomi Malaysia berkembang 5.6% pada suku ketiga 2014

Ekonomi global terus berkembang pada kadar sederhana pada suku ketiga 2014, dengan prestasi pertumbuhan tidak sekata di seluruh ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda lebih meluas yang menunjukkan bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus bertambah baik, pertumbuhan di kawasan euro kekal lembap dalam keadaan masalah struktur yang berterusan dan sentimen yang semakin lemah. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, walaupun pertumbuhan dalam beberapa ekonomi adalah lebih sederhana.

Ekonomi berkembang pada suku ketiga
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku ketiga 2014 (S2 2014: 6.5%), disokong oleh permintaan sektor swasta dan pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan bersih yang terus positif. Dari segi penawaran, pertumbuhan sektor ekonomi utama adalah mampan, disokong oleh aktiviti perdagangan dan aktiviti dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 0.9% (S2 2014: 1.9%).

Aktiviti sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku itu. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% pada suku ketiga (S2 2014: 6.5%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Pelaburan swasta berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 6.8% (S2 2014: 12.1%), disebabkan oleh perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan yang menurun, terutamanya dalam segmen pengangkutan. Penggunaan awam kembali positif untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% (S2 2014: -0.5%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pelaburan awam terus merosot sebanyak 8.9% (S2 2014: -3.3%), disebabkan terutamanya oleh beberapa projek perusahaan awam yang hampir siap, dan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang terus menguncup. Pada masa depan, aktiviti pelaburan akan disokong oleh aliran projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu secara berterusan oleh sektor swasta dan sektor awam.

Dari segi penawaran, pertumbuhan positif dicatat dalam kesemua sektor ekonomi pada suku ketiga. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan, disokong terutamanya oleh subsektor perkhidmatan berkaitan penggunaan dan berkaitan pengeluaran. Sektor pembinaan juga terus mencatat pertumbuhan yang mampan, didorong oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Selepas mencatat prestasi yang sangat kukuh pada suku kedua, sektor perkilangan berkembang pada kadar yang lebih sederhana berikutan aktiviti berorientasikan dalam negeri yang lebih perlahan. Sektor pertanian mencatat pertumbuhan lebih perlahan berikutan pengeluaran minyak sawit dan getah yang merosot, manakala sektor perlombongan meningkat pada kadar yang sederhana dalam keadaan pengeluaran gas asli dan kondensat yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang lebih rendah pada 3.0% pada suku ketiga (S2 2014: 3.3%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan* (S3: 3.7%, S2 2014: 5.4%), mencerminkan luputnya kesan pelarasan harga petrol RON95 dan diesel yang dilaksanakan pada bulan September 2013.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Lebihan perdagangan menurun kepada RM16.8 bilion (S2 2014: RM18.5 bilion). Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.5% (S2 2014: 14.4%), disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada suku ketiga 2013. Import kasar juga mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.6% pada suku ketiga (S2 2014: 8.5%).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM416.9 bilion (bersamaan dengan USD127.3 bilion) pada 30 September 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 31 Oktober 2014, kedudukan rizab berjumlah RM419.7 bilion (bersamaan dengan USD128.1 bilion), memadai untuk membiayai 8.8 bulan import tertangguh dan ialah 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah dinaikkan berikutan kenaikan OPR

Pada 10 Julai 2014, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Kenaikan kadar antara bank pada suku ketiga mencerminkan kenaikan OPR. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) diniagakan lebih tinggi dalam julat antara 3.18% hingga 3.25% dari 11 Julai hingga 30 September. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga meningkat. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan untuk tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan meningkat antara 15 hingga 25 mata asas kepada julat yang lebih tinggi dari 3.07% hingga 3.30% pada akhir bulan Julai. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan meningkat 25 mata asas kepada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul meningkat lebih tinggi kepada 5.52% pada akhir bulan September. Walau bagaimanapun, kos pinjaman keseluruhan kekal menyokong aktiviti ekonomi dan kadar pinjaman keseluruhan terus berada di bawah paras sebelum berlaku Krisis Kewangan Global.

Agregat monetari terus berkembang pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM1.2 bilion pada suku ketiga. Pada asas tahunan, M1 berkembang 6.7% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 10.2%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM10.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.2% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 5.6%). Peningkatan M3 pada suku itu didorong terutamanya oleh pemberian kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta yang terus meningkat dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM302.1 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM281.0 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 8.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun 2014: 9.1%). Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih rendah sedikit pada RM17.1 bilion pada suku ketiga (S2 2014: RM17.2 bilion).

Ringgit terus menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau pada awal suku ketiga, didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk bon Malaysia berikutan pengumuman data ekonomi dalam negeri yang kukuh. Walau bagaimanapun, ringgit telah menyusut nilai menjelang akhir suku itu disebabkan oleh perkembangan luaran, sejajar dengan kebanyakan mata wang serantau lain. Jangkaan bahawa kenaikan kadar dasar yang lebih cepat berbanding dengan jangkaan awal di AS berikutan pengumuman data ekonomi AS yang kukuh menyebabkan peralihan kepada aset kewangan AS dan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau, terutamanya pasaran ekuiti.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.9% berbanding dengan dolar AS tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (5.9%), dolar Australia (5.6%), euro (5.5%) dan paun sterling (2.8%). Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Antara 1 hingga 12 November, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.1%. Ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (3.7%) dan paun sterling (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan euro (0.3%) dan dolar Australia (1.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (2.3%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan mata wang lain antara 0.5% hingga 2.4%.

Kestabilan kewangan domestik terus dipelihara dengan baik

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan meskipun pasaran kewangan domestik terus tidak menentu, ekoran ketidakpastian dalam persekitaran luaran yang ketara pada separuh kedua bulan September. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Meskipun tempoh yang akan datang dijangka kekal mencabar, prospek kestabilan kewangan domestik terus positif.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Penunjuk kekukuhan kewangan bank-bank dan penanggung insurans adalah mantap seperti yang ditunjukkan melalui permodalan yang tinggi, perniagaan yang menguntungkan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1) nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank-bank adalah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.8%, 13.5% dan 15.5%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh paras CET 1 yang kukuh dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Jumlah penampan modal bank-bank, yang melebihi jumlah keperluan modal pengawalseliaan minimum adalah melebihi RM90 bilion. Nisbah kecukupan modal penanggung insurans adalah pada 246.9% (S2 2014: 249.7%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM24.4 bilion (S2 2014: RM25.7 bilion).

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka terus sederhana. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka kekal tidak sekata. Di Asia, pertumbuhan akan disokong oleh pengembangan permintaan dalam negeri dan eksport yang berterusan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko pertumbuhan global menjadi perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan dalam permintaan dalam negeri yang berpanjangan dan inflasi yang rendah di beberapa ekonomi maju, ketidakpastian pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan yang boleh meningkatkan ketidaktentuan pasaran kewangan.

Meskipun risiko kepada pertumbuhan meningkat, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil. Walaupun eksport akan memperoleh manfaat daripada ekonomi maju yang kembali pulih serta permintaan serantau, trend ini dijangka menjadi sederhana berikutan kesan asas yang tinggi pada tahun 2013 dan harga komoditi yang lebih rendah. Meskipun penggunaan swasta dijangka sederhana, aktiviti pelaburan dijangka disokong oleh aliran projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu secara berterusan oleh sektor swasta dan awam. Pada masa hadapan, permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan.

Bank Negara Malaysia
14 November 2014

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

GDP by Economic Activity (at constant 2005 prices)

	Share 2013 (%)	2013		2014		
		3Q	4Q	1Q	2Q	3Q
		Annual change (%)				
Agriculture	7.1	2.0	0.2	2.3	7.1	4.0
Mining	8.1	1.4	-1.2	-0.8	2.1	1.4
Manufacturing	24.5	4.3	5.2	6.8	7.3	5.3
Construction	3.8	10.2	9.8	18.9	9.9	9.6
Services	55.2	6.0	6.4	6.6	6.2	6.1
Real GDP	**100.0**[1]	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
Real GDP (q-o-q seasonally adjusted)	**-**	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

[1] Numbers do not add up due to rounding and exclusion of import duties component

Source: Department of Statistics, Malaysia

GDP by Expenditure Components (at constant 2005 prices)

	2013		2014		
	3Q	4Q	1Q	2Q	3Q
	Annual change (%)				
Aggregate Domestic Demand (excluding stocks)	8.4	6.7	7.5	5.8	4.8
Private Sector	9.8	9.1	8.8	8.1	6.7
Consumption	*8.0*	*7.4*	*7.1*	*6.5*	*6.7*
Investment	*15.6*	*16.6*	*14.1*	*12.1*	*6.8*
Public sector	4.1	2.1	3.3	-1.6	-1.2
Consumption	*7.8*	*5.2*	*12.3*	*-0.5*	*5.3*
Investment	*-0.1*	*-1.4*	*-6.4*	*-3.3*	*-8.9*
Net Exports	9.9	-6.8	14.9	91.0	11.4
Exports of Goods and Services	*4.6*	*5.7*	*7.9*	*8.8*	*2.8*
Imports of Goods and Services	*4.2*	*7.1*	*7.1*	*3.9*	*2.2*
GDP	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
GDP (q-o-q growth, seasonally adjusted)	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

Source: Department of Statistics, Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013		2014		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.1	2.0	0.2	2.3	7.1	4.0
Perlombongan	8.1	1.4	-1.2	-0.8	2.1	1.4
Perkilangan	24.5	4.3	5.2	6.8	7.3	5.3
Pembinaan	3.8	10.2	9.8	18.9	9.9	9.6
Perkhidmatan	55.2	6.0	6.4	6.6	6.2	6.1
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	8.4	6.7	7.5	5.8	4.8
Sektor swasta	9.8	9.1	8.8	8.1	6.7
Penggunaan	*8.0*	*7.4*	*7.1*	*6.5*	*6.7*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*15.6*	*16.6*	*14.1*	*12.1*	*6.8*
Sektor awam	4.1	2.1	3.3	-1.6	-1.2
Penggunaan	*7.8*	*5.2*	*12.3*	*-0.5*	*5.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*-0.1*	*-1.4*	*-6.4*	*-3.3*	*-8.9*
Eksport Bersih	9.9	-6.8	14.9	91.0	11.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*4.6*	*5.7*	*7.9*	*8.8*	*2.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*4.2*	*7.1*	*7.1*	*3.9*	*2.2*
KDNK	**5.0**	**5.1**	**6.2**	**6.5**	**5.6**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.7**	**1.9**	**0.9**	**1.9**	**0.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia